

16/07/2002

Kehadiran PM perkuat keyakinan pengundi pilih BN

Ahmad Zaini Kamaruzzaman
DIRUNDUK, runduklah padi,
Di sawah Datuk Temenggung,
Kami peladang terhutang budi,
Calon BN kami kan sokong.

Demikian bunyi pantun yang dilafazkan Pengerusi Pertubuhan Peladang Negeri Kedah, Badri Yunus ketika mengakhiri ucapannya pada majlis pelancaran Hari Peladang Penternak dan Nelayan peringkat negeri, di Pendang semalam.

Pantun itu disampaikan di hadapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Zakaria Said serta Datuk Othman Abdul, dua calon Barisan Nasional (BN), masing-masing di Anak Bukit dan Pendang.

Jika pantun berkenaan menjadi kenyataan dengan semua peladang, penternak dan nelayan di Pendang serta Anak Bukit mengundi BN pada Khamis ini, Pas bakal kalah.

Ia kerana majoriti pengundi adalah golongan berkenaan, terutama di Pendang yang kebanyakannya adalah penanam padi dan usaha pertanian lain serta peneroka FELDA.

Tambahan pula, Pengarah Pilihan Raya BN Pendang, Md Rozai Shafian kelihatan yakin untuk menawan semula kerusi itu daripada Pas.

Walaupun ramai pemerhati berpendapat kedudukan masih 50-50, Md Rozai yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sungai Tiang, dalam kawasan parlimen Pendang berkata peluang menang adalah cerah.

"BN is leading by 52 percent (BN sedang mendahului 52 peratus)", katanya sejurus turun dari pentas tempat Dr Mahathir melancarkan sambutan Hari Peladang.

Kehadiran Dr Mahathir ketika tinggal tiga hari pengundian juga dilihat sebagai salah satu usaha untuk meyakinkan pengundi supaya memilih BN kali ini.

Siaran secara langsung menerusi televisyen dari Pendang pasti memberi kelebihan kepada BN kerana dapat mencapai lebih banyak pengundi, termasuk penyokong Pas yang pasti tidak ramai hadir di tapak sambutan itu.

Seperti diduga, Dr Mahathir mendedahkan mengenai taktik dan pelbagai kaedah buruk Pas bagi mengabui pengundi. Antara yang dibangkitkan ialah hukum hudud Pas di Terengganu dan Kelantan, maki hamun pemimpin dan menghina Islam seperti dakwaan kononnya Tuhan mencarut.

Tidak ketinggalan, Dr Mahathir menggunakan isu pembangunan dengan menyatakan bahawa tanpa keprihatinan kerajaan BN, rakyat dan negara tidak mungkin menikmati pembangunan dan kemewahan seperti sekarang.

Md Rozai juga berpendapat kehadiran kira-kira 15,000 penduduk tempatan di majlis itu menambah keyakinan BN untuk menang.

"Mereka yang hadir bukan kita import, sebaliknya penduduk tempatan. Malam tadi, kita sudah arahkan semua petugas parti dari luar yang datang membantu tidak ke tapak pelancaran.

"Kehadiran Dr Mahathir hari ini (semalam) meyakinkan kita untuk menang di Bukit Raya," katanya merujuk kepada satu lagi kawasan DUN yang dimenangi Pas pada pilihan raya umum 1999.

Bagaimanapun, Ketua Pemuda Pas, Mahfuz Omar menyanggah pandangan Md Rozai kerana bagi Pas kehadiran Dr Mahathir yang ucapannya kurang meyakinkan sebenarnya memberi kelebihan kepada Pas.

Katanya, BN berharap kehadiran Dr Mahathir akan melonjak undi BN, tetapi bagi Pas ia sebagai tanda BN berada dalam keadaan kritikal dan tidak akan

mengubah situasi di Pendang.

"Walaupun ucapan itu disiarkan secara langsung, kandungan sentuhan terakhir Dr Mahathir menimbulkan rasa tidak selesa kepada pengundi Melayu Pendang yang secara tradisinya memiliki pendidikan dan pegangan agama Islam yang kukuh," katanya merujuk kepada ucapan Perdana Menteri mengenai Islam dan membidas kepemimpinan Pas, terutama Datuk Nik Aziz Nik Mat dan Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Pada pilihan raya lalu, Datuk Fadzil Noor menang dengan majoriti 2,939 undi dengan memperoleh 22,413 undi berbanding Othman, sebanyak 19,474 undi.

Di DUN Bukit Raya, Pas menang dengan majoriti 5,274 undi apabila memperoleh 13,672 undi berbanding BN sebanyak 8,398 undi. Di Sungai Tiang, Md Rozai menang majoriti 2,238 undi apabila memperoleh 10,946 undi, manakala Pas 8,708 undi.

Keseluruhannya, berdasarkan pada 53,388 pengundi di Pendang ketika itu, Pas memperoleh 52 peratus undi, BN 46 peratus dan dua peratus undi rosak.

Berikutan itu, tugas BN kali ini ialah menarik seberapa banyak undi di Bukit Raya sambil berharap aliran pengundi di Sungai Tiang kekal berpihak kepadanya.

Bagaimanapun, ia tidak mudah walaupun Md Rozai yakin usaha keras BN mampu menarik pengundi Bukit Raya kali ini. Ini kerana Bukit Raya adalah kubu kuat Pas dan Fadzil menjadi Adun di situ sejak beberapa penggal lalu.

Malah, pada 1999, Fadzil dengan yakin melepaskan kerusi itu kepada Taulan Rasul untuk bertanding di DUN Anak Bukit dan memenangnya. Berikutan itu, walaupun selesa di Sungai Tiang, BN perlu menumpukan lebih perhatian di Bukit Raya.

Tambahan pula, BN hanya menang di empat peti undi saja pada 1999 berbanding 17 peti undi yang dimenangi Pas. Bagaimanapun, Pas tidak boleh berdasarkan kepada angka berkenaan saja untuk mempertahankan Pendang kerana ketika itu ia adalah pilihan raya umum dan suasananya jauh berbeza dengan sekarang.

Selain jentera BN yang bertumpu keseluruhannya di Pendang dan Anak Bukit berbanding pada 1999, aliran pengundi juga berbeza kerana pada waktu itu kerana isu Datuk Seri Anwar Ibrahim banyak membantu pembangkang.

Justeru, pertandingan di Pendang dijangka lebih sengit ketika tempoh berkempen hanya tinggal dua hari saja lagi dan jika angka yang diberikan Md Rozai, iaitu BN sedang mendahului Pas sebanyak 52 peratus menjadi kenyataan, BN akan merampas semula kawasan itu pada malam Khamis ini kerana Pas memperoleh 52 peratus undi pada pilihan raya 1999.